

18/08/1997

PM isytihar ketinggian gunung

KOTA KINABALU, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengisytiharkan ketinggian rasmi yang baru Puncak Low di Gunung Kinabalu iaitu 4,095.2 meter di atas paras laut.

Catatan itu bagaimanapun, 5.8 meter lebih rendah berbanding ketinggian dahulu puncak itu, 4,101 meter.

"Saya mengisytiharkan bahawa Puncak Low adalah puncak tertinggi Gunung Kinabalu pada ketinggian 4,095.2 meter," katanya pada majlis makan malam sempena Kejohanan Badminton Piala Perdana, di sini.

Dr Mahathir kemudian memasukkan beberapa dokumen ke dalam kapsul masa yang akan dibuka pada 25 Jun 2050. Isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut memasuki sesuatu ke dalam kapsul masa itu.

Ketinggian Puncak Low itu diperoleh hasil satu ekspedisi Institut Juruukur Malaysia (IJM) ke gunung tertinggi di Asia Tenggara itu pada 23 hingga 25 Jun lalu, yang turut disertai Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee.

Ketinggian sebelum ini pada 4,101 meter ditentukan daripada Ekspedisi Learmont pada tahun 1910.

(END)